

**PANDUAN PENGURUSAN DAN PENTADBIRAN
UJIAN AKHIR SESI AKADEMIK 2024/2025**

1 PANDUAN UMUM

- 1.1 Panduan ini adalah untuk rujukan pentadbir dan guru di sekolah berkaitan dengan pengurusan dan pentadbiran ujian akhir sesi akademik.
- 1.2 Panduan ini hendaklah dibaca bersama-sama Peraturan-peraturan Pendidikan (Penilaian dan Peperiksaan) 1997, surat pekeliling ikhtisas, surat siaran, surat makluman dan arahan berkaitan yang sedang berkuat kuasa serta yang akan diedarkan dari semasa ke semasa.
- 1.3 Panduan ini terpakai kepada semua sekolah yang melaksanakan ujian akhir sesi akademik.

2 LATAR BELAKANG

2.1 Falsafah Pendidikan Kebangsaan

Pendidikan di Malaysia adalah suatu usaha berterusan ke arah lebih memperkembang potensi individu secara menyeluruh dan bersepadu untuk mewujudkan insan yang seimbang dan harmonis dari segi intelek, rohani, emosi dan jasmani, berdasarkan kepercayaan dan kepatuhan kepada Tuhan. Usaha ini adalah untuk melahirkan warganegara Malaysia yang berilmu pengetahuan, berketerampilan, berakhlak mulia, bertanggungjawab dan berkeupayaan mencapai kesejahteraan diri, serta memberi sumbangan terhadap keharmonian dan kemakmuran keluarga, masyarakat dan negara.

2.2 Pemerkasaan Pentaksiran Berasaskan Sekolah

- 2.2.1 Pentaksiran Berasaskan Sekolah (PBS) telah diperkenalkan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) mulai tahun 2011.
- 2.2.2 Pentaksiran ini bersifat holistik yang merangkumi aspek akademik, iaitu Pentaksiran Bilik Darjah (PBD) dan Pentaksiran Pusat (PP) serta aspek

bukan akademik iaitu, Pentaksiran Aktiviti Jasmani, Sukan dan Kokurikulum (PAJSK) dan Pentaksiran Psikometrik (PPsi). Pelaksanaan PBS adalah selari dengan hasrat Falsafah Pendidikan Kebangsaan.

2.2.3 Ujian Pencapaian Sekolah Rendah (UPSR) telah dimansuhkan mulai tahun 2021 berdasarkan keputusan Mesyuarat Jemaah Menteri pada 28 April 2021. Seterusnya, Mesyuarat Jemaah Menteri pada 2 Jun 2022 bersetuju dengan pemansuhan Pentaksiran Tingkatan 3 (PT3). Susulan daripada pemansuhan UPSR dan PT3, Pemerkasaan PBS yang dilaksanakan pada tahun 2022 terus diperkukuh dan ujian akhir sesi akademik dilaksanakan sebagai komponen PBD.

3 TAFSIRAN

Berikut adalah tafsiran bagi terma yang digunakan dalam garis panduan ini:

- 3.1 **Instrumen Pentaksiran** bermaksud alat yang digunakan untuk mendapatkan eviden bagi mengenal pasti tahap kognitif murid, afektif dan psikomotor.
- 3.2 **Instrumen ujian akhir sesi akademik** adalah kertas ujian untuk mendapatkan respons calon bagi mengenal pasti tahap kognitif murid.
- 3.3 **Panduan Penskoran/Peraturan Pemarkahan** bermaksud dokumen yang digunakan oleh guru sebagai panduan pemberian skor/markah terhadap respons murid.
- 3.4 **Penyelarasan Penskoran** bermaksud proses yang dilaksanakan untuk memastikan setiap pentaksir mempunyai kefahaman yang selaras terhadap panduan penskoran/peraturan pemarkahan.
- 3.5 **Skrip Jawapan Murid (SJM)** bermaksud respons murid terhadap instrumen pentaksiran yang menjadi ukuran atau bukti pencapaian murid.
- 3.6 **Moderasi Penskoran** bermaksud proses semak silang yang dilaksanakan oleh pentaksir bagi memastikan penskoran menepati panduan penskoran/peraturan pemarkahan.
- 3.7 **Verifikasi Instrumen Pentaksiran dan Panduan Penskoran** bermaksud proses semakan instrumen pentaksiran dan panduan penskoran/peraturan pemarkahan yang telah disediakan menepati aspek teknikal (lengkap dan jelas).

- 3.8 **Verifikasi Skor** bermaksud proses semakan skor murid sebelum disahkan dalam sistem.
- 3.9 **Jadual Spesifikasi Ujian (JSU)** bermaksud pelan sesuatu instrumen pentaksiran yang dibina berdasarkan sukatan mata pelajaran.

4 KONSEP DAN PRINSIP

- 4.1 Ujian akhir sesi akademik adalah antara bentuk pentaksiran sumatif dalam PBD yang dilaksanakan di sekolah pada akhir sesi akademik.
- 4.2 Ujian akhir sesi akademik **bukan** menggantikan Ujian Pencapaian Sekolah Rendah (UPSR) dan Pentaksiran Tingkatan Tiga (PT3).
- 4.3 Ujian akhir sesi akademik dilaksanakan untuk menguji tahap kognitif murid dan **bukan** membandingkan prestasi atau pencapaian antara murid, sekolah, daerah dan negeri.
- 4.4 Pelaporan ujian akhir sesi akademik digunakan untuk membantu guru, ibu bapa dan pihak sekolah untuk meningkatkan tahap pencapaian murid.

5 KATEGORI MURID

Ujian akhir sesi akademik melibatkan murid Tahun 4 hingga Tahun 6 di sekolah rendah dan murid Tingkatan 1 hingga Tingkatan 3 di sekolah menengah.

6 INSTRUMEN UJIAN AKHIR SESI AKADEMIK

- 6.1 Instrumen ujian akhir sesi akademik melibatkan **semua mata pelajaran** tahap dua sekolah rendah dan menengah rendah. Walau bagaimanapun, KPM hanya menyediakan format instrumen dan JSU piawai bagi tujuh mata pelajaran tahap dua sekolah rendah dan 19 mata pelajaran menengah rendah. Bagi **mata pelajaran lain**, sekolah hendaklah menyediakan format instrumen dan JSU bagi mata pelajaran berkenaan seperti dalam Jadual 1, 2 dan 3.

Jadual 1: Format dan JSU Mata Pelajaran Tahap Dua Sekolah Rendah yang disediakan oleh KPM

Bil.	Mata Pelajaran (MP)
1.	Bahasa Melayu
2.	Bahasa Inggeris
3.	Matematik (*SK/SJKC/SJKT)
4.	Sains (*SK/SJKC/SJKT)
5.	Sejarah (*SK/SJKC/SJKT)
6.	Bahasa Cina (*SJKC)
7.	Bahasa Tamil (*SJKT)

*SK - Sekolah Kebangsaan, SJKC - Sekolah Jenis Kebangsaan Cina dan SJKT- Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil

Jadual 2 : Format dan JSU Mata Pelajaran Tahap Dua Sekolah Rendah yang disediakan oleh sekolah

Bil.	Mata Pelajaran (MP)
1.	Pendidikan Jasmani dan Pendidikan Kesihatan (PJPK)
2.	Pendidikan Seni Visual (PSV)
3.	Pendidikan Islam
4.	Pendidikan Moral
5.	Pendidikan Muzik
6.	Reka Bentuk dan Teknologi
7.	Bahasa Tamil
8.	Bahasa Arab
9.	Bahasa Kadazandusun
10.	Bahasa Iban
11.	Bahasa Semai
12.	Bahasa Cina SK
13.	Bahasa Tamil SK

Jadual 3: Format dan JSU Mata Pelajaran Menengah Rendah yang disediakan oleh KPM

Bil.	Mata Pelajaran (MP)
1.	Bahasa Melayu Kertas1
	Bahasa Melayu Kertas 2
2.	Bahasa Inggeris Pemahaman
	Bahasa Inggeris Penulisan
3.	Sejarah
4.	Geografi
5.	Bahasa Arab
6.	Bahasa Cina
7.	Bahasa Tamil
8.	Bahasa Iban
9.	Bahasa Kadazandusun
10.	Bahasa Semai
11.	Pendidikan Islam
12.	Matematik
13.	Sains
14.	Asas Sains Komputer
15.	Reka Bentuk dan Teknologi
16.	Maharat Al-Quran
17.	Usul Al-Din
18.	Al-Syariah
19.	Al-Lughah Al-‘Arabiah Al-Mu’asirah

Jadual 4 : Format dan JSU Mata Pelajaran Menengah Rendah yang disediakan oleh sekolah

Bil.	Mata Pelajaran (MP)
1.	Pendidikan Jasmani dan Pendidikan Kesihatan (PJPK)
2.	Pendidikan Seni Visual (PSV)
3.	Pendidikan Moral
4.	Pendidikan Muzik (PM)

- 6.2 Ujian akhir sesi akademik melibatkan semua mata pelajaran bagi domain kognitif secara ujian bertulis sahaja. Namun begitu, bagi mata pelajaran PSV, PM dan PJPK yang mengandungi domain efektif dan psikomotor lebih banyak berbanding domain kognitif, autonomi diberikan kepada sekolah untuk melaksanakan pentaksiran dalam bentuk ujian bertulis atau projek/amali dalam PBD
- 6.3 Kaedah pentaksiran lain seperti lisan, amali, projek dan lain-lain dilaksanakan dalam Pentaksiran Bilik Darjah (PBD) berterusan.
- 6.4 Bagi mata pelajaran berasaskan kemahiran (Jadual 4) ujian akhir sesi akademik hendaklah juga mengambil kira aspek kemahiran yang telah dipelajari oleh murid seperti dalam Dokumen Standard Kurikulum dan Prestasi (DSKP) mata pelajaran tersebut.
- 6.5 Bagi instrumen pentaksiran Murid Berkeperluan Pendidikan Khas (MBPK) (inklusif penuh dan separa sahaja), moderasi/modifikasi boleh dilakukan oleh pihak sekolah mengikut kesesuaian murid.

7 LATIHAN PENINGKATAN PROFESIONALISME PEMBINAAN ITEM/ INSTRUMEN UJIAN AKHIR SESI AKADEMIK

PGB/GPKP/GKMP/KP/GMP bertanggungjawab memastikan:

- 7.1 Guru mengikuti latihan peningkatan profesionalisme pembinaan item/instrumen yang dilaksanakan di peringkat negeri/daerah/sekolah secara bersemuka atau secara dalam talian di platform DELIMa;

- 7.2 Guru merekod latihan yang telah disertai dalam Sistem Pengurusan Latihan KPM (SPLKPM);
- 7.3 Guru menguasai konsep pentaksiran, kaedah pembinaan dan penilaian item serta kaedah menggunakan Jadual Spesifikasi Ujian (JSU); dan
- 7.4 Latihan peningkatan profesionalisme pembinaan item/instrumen kepada semua guru dijadikan sebagai Petunjuk Prestasi Utama (KPI) PGB.

8 PENGHASILAN ITEM DAN INSTRUMEN UJIAN AKHIR SESI AKADEMIK

PGB/GPKP/GKMP/KP/GMP bertanggungjawab memastikan:

- 8.1 Item dan panduan penskoran/peraturan pemarkahan yang dihasilkan perlu mematuhi prinsip pentaksiran;
- 8.2 Instrumen ujian akhir sesi akademik yang dihasilkan **hendaklah mengandungi 50 peratus** item Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT);
- 8.3 Item KBAT yang dihasilkan adalah berdasarkan aras pemikiran yang merujuk kepada konstruk mengaplikasi, menganalisis, menilai dan mencipta; dan
- 8.4 Konstruk dalam JSU pembinaan item bagi tahap dua sekolah rendah dan peringkat menengah rendah adalah seperti jadual berikut:

KONSTRUK	PERATUS
Mengingat & Memahami	50%
Mengaplikasi, Menganalisis, Menilai dan Mencipta	50%

9 PENGURUSAN DAN PENTADBIRAN

PGB/GPKP/GKMP/KP/GMP bertanggungjawab memastikan:

- 9.1 Jadual kerja, jadual pengawasan dan jadual waktu ujian disediakan;
- 9.2 Verifikasi instrumen pentaksiran dan panduan penskoran/peraturan pemarkahan dilaksanakan;
- 9.3 Modifikasi braille/moderasi untuk MBPK dilaksanakan;
- 9.4 Instrumen pentaksiran dan panduan penskoran/peraturan pemarkahan disimpan di tempat yang selamat;

- 9.5 Ujian akhir sesi akademik ditadbir mengikut jadual waktu yang disediakan; dan
- 9.6 Kes murid yang tidak hadir untuk menduduki ujian diurus.

10. PEMERIKSAAN SKRIP JAWAPAN MURID

PGB/GPKP/GKMP/KP/GMP bertanggungjawab memastikan:

- 10.1 Penyelarasan penskoran dilaksanakan bagi mendapatkan keseragaman dan keselarasan dalam pemberian skor kepada murid;
- 10.2 Penskoran Skrip Jawapan Murid (SJM) dilaksanakan mengikut panduan penskoran/peraturan pemarkahan;
- 10.3 Moderasi penskoran SJM dilaksanakan secara rawak bagi memastikan penskoran menepati panduan penskoran/peraturan pemarkahan dan skor murid adalah tekal dan tepat; dan
- 10.4 Verifikasi skor dilaksanakan bagi memastikan konsistensi skor murid.

11. PEREKODAN SKOR DAN PELAPORAN

PGB/GPKP/GKMP/KP/GMP bertanggungjawab memastikan:

- 11.1 Skor direkod dalam bentuk peratus oleh GMP dalam Sistem Pengurusan Pentaksiran Bersepadu, KPM (SPPB KPM);
- 11.2 Pelaporan prestasi murid bagi PBD berterusan dan pencapaian bagi ujian akhir sesi akademik dijana dalam satu pelaporan;
- 11.3 Julat peratus dan gred ujian akhir sesi akademik adalah seperti jadual berikut:

Peratus (%)	Gred	Tafsiran Gred
82 - 100	A	Cemerlang
66 - 81	B	Kepujian
50 - 65	C	Baik
35 - 49	D	Memuaskan
20 - 34	E	Mencapai Tahap Minimum
0 - 19	F	Belum Mencapai Tahap Minimum

- 11.4 Pelaporan dimuat turun dan dimaklumkan kepada ibu bapa/penjaga murid.

12. PENJAMINAN KUALITI

- 12.1 Penjaminan kualiti ujian akhir sesi akademik di sekolah diketuai oleh PGB untuk memastikan kualiti dan kelancaran pelaksanaan ujian tersebut.
- 12.2 Penjaminan kualiti dalam pelaksanaan ujian akhir sesi akademik dilaksanakan melalui pementoran, pengesanan pemantauan dan penyelarasan.
- 12.3 Pementoran dilaksanakan bagi membimbing serta meningkatkan pengetahuan dan kefahaman guru dalam penyediaan instrumen ujian akhir sesi akademik mengikut panduan yang disediakan.
- 12.4 Pengesanan dilaksanakan bagi menilai kesesuaian, kekuatan dan kelemahan instrumen ujian akhir sesi akademik yang disediakan.
- 12.5 Pemantauan dilaksanakan bagi memastikan pelaksanaan ujian akhir sesi akademik dilaksanakan mengikut panduan yang ditetapkan.
- 12.6 Penyelarasan dilaksanakan bagi memastikan kefahaman guru terhadap panduan penskoran/peraturan permarkahan seterusnya menjamin ketekalan skor yang diberikan kepada murid.

**SOALAN LAZIM (FAQ) BERKAITAN PELAKSANAAN
UJIAN AKHIR SESI AKADEMIK 2024/2025**

1. **Adakah sekolah diberi autonomi untuk melaksanakan ujian akhir sesi akademik?**

Ya. Sekolah diberi autonomi untuk merancang dan melaksanakan ujian akhir sesi akademik di sekolah dengan merujuk panduan yang disediakan oleh KPM.

2. **Apakah punca kuasa untuk sekolah melaksanakan ujian akhir sesi akademik di sekolah mulai 2024/2025?**

Mesyuarat Pasca Kabinet Bilangan 6 Tahun 2024 bertarikh 7 Februari 2024 memutuskan ujian akhir sesi akademik diteruskan pelaksanaannya dengan memberi autonomi kepada sekolah mulai sesi akademik 2024/2025.

3. **Bagaimana ujian akhir sesi akademik dikendalikan di sekolah?**

Ujian akhir sesi akademik dikendalikan seperti pelaksanaan peperiksaan pertengahan tahun atau peperiksaan akhir tahun di sekolah.

4. **Adakah guru akan menerima latihan pembinaan item?**

Ya. Guru akan menerima latihan pembinaan item secara berperingkat melalui Jurulatih Utama Kebangsaan (JUK), Jurulatih Utama Negeri (JUN), Jurulatih Utama Daerah (JUD) dan Jurulatih Sekolah yang dilaksanakan di peringkat negeri, daerah dan sekolah.

5. **Adakah Pengetua dan Guru Besar (PGB) perlu mewajibkan guru mengikuti latihan pembinaan item ujian akhir sesi akademik?**

Ya. PGB perlu **mewajibkan** semua guru mengikuti latihan pembinaan item dan instrumen ujian akhir sesi akademik. Selain itu, PGB juga perlu memastikan instrumen ujian akhir akademik disediakan di sekolah.

6. Adakah penyediaan item dan instrumen ujian akhir sesi akademik merupakan beban tugas guru yang baharu?

Tidak. Penyediaan item dan instrumen ujian akhir sesi akademik merupakan tugas utama seorang guru dalam **pengurusan pentaksiran** merujuk kepada *Malaysian School Governance* (MySG).

7. Bagaimanakah sekolah memastikan guru menyediakan instrumen pentaksiran yang berkualiti dalam ujian akhir sesi akademik?

Pihak sekolah perlu merujuk Modul Perealisasikan Item dan Jadual Spesifikasi Ujian (JSU) yang disediakan oleh KPM.

8. Adakah JPN/PPD/MPSM/MGB dibenarkan untuk menyediakan instrumen setara bagi ujian akhir sesi akademik?

Tidak.

9. Adakah JSU boleh disetarakan di peringkat negeri dan daerah?

Tidak. Sekolah perlu menggunakan JSU sekolah masing-masing.

10. Adakah item Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT) perlu dimasukkan ke dalam instrumen ujian akhir sesi akademik?

Ya. Instrumen yang dihasilkan perlu mengandungi 50 peratus item KBAT. Item KBAT ditentukan berdasarkan aras pemikiran dengan merujuk kepada konstruk mengaplikasi, menganalisis, menilai dan mencipta.

11. Bagaimana memastikan kesahan dan kebolehpercayaan item/instrumen ujian akhir sesi akademik yang disediakan oleh sekolah?

Item/instrumen yang disediakan mestilah berpandukan JSU sekolah masing-masing.

12. Adakah item ujian akhir sesi akademik perlu mencakupi semua standard pembelajaran dalam DSKP?

Ya.

13. Adakah sekolah DLP perlu menyediakan instrumen ujian akhir sesi akademik bagi mata pelajaran Sains dan Matematik dalam dwibahasa?

Mengikut kesesuaian dan kesediaan guru serta murid. Autonomi telah diberikan kepada PGB.

14. Adakah ujian akhir sesi akademik melibatkan ujian mendengar dan ujian bertutur bagi mata pelajaran bahasa?

Tidak. Ujian akhir sesi akademik hanya melibatkan ujian bertulis sahaja.

15. Bagaimanakah pengurusan penyediaan instrumen bagi Sekolah Kurang Murid (SKM)?

Pihak sekolah perlu mendapatkan khidmat nasihat dan bantuan daripada PPD berkaitan penyediaan item dan instrumen bagi mata pelajaran tertentu.

16. Adakah murid kelas peralihan perlu menduduki ujian akhir sesi akademik?

Tidak.

17. Bilakah tarikh pelaksanaan ujian akhir sesi akademik dilaksanakan?

Tarikh pelaksanaan boleh dirujuk kepada Surat Makluman Tarikh Perekodan dan Pelaporan Pentaksiran Bilik Darjah dalam Sistem Pengurusan Pentaksiran Bersepadu (SPPB) pada tahun semasa.

18. Adakah jadual ujian akhir sesi akademik setara di peringkat negeri atau kebangsaan?

Tidak. Jadual ujian akhir sesi akademik disediakan mengikut takwim sekolah masing-masing.

19. Berapakah markah penuh bagi setiap mata pelajaran untuk ujian akhir sesi akademik?

Markah penuh bagi semua mata pelajaran boleh dirujuk pada format mata pelajaran yang disediakan LP.

20. Apakah bentuk skor yang perlu direkod dalam SPPB?

Skor dalam bentuk peratus. Skor mentah ujian akhir sesi akademik perlu ditukar kepada peratus sebelum direkod dalam SPPB.

21. Berapakah markah penuh instrumen ujian akhir sesi akademik bagi mata pelajaran yang disediakan oleh sekolah?

Markah penuh bagi instrumen ujian akhir bagi mata pelajaran lain adalah 100 markah.

22. Bagaimanakah sekolah memastikan penskoran yang dilaksanakan oleh guru adalah tepat dan tekal?

Sekolah perlu melaksanakan penyelarasan penskoran dalam kalangan guru untuk memastikan ketekalan dan ketepatan dalam pemberian skor.

23. Apakah bentuk pelaporan ujian akhir sesi akademik yang akan dikeluarkan kepada murid?

Bentuk pelaporan ujian akhir sesi akademik yang akan dikeluarkan adalah dalam peratus dan gred bagi setiap mata pelajaran yang diambil oleh murid.

24. Adakah skrip jawapan murid (SJM) ujian akhir sesi akademik boleh diserahkan kepada murid selepas penyemakan dan perekodan markah selesai?

Boleh. Autonomi diberikan kepada pihak sekolah mengikut amalan sedia ada.

25. Adakah keputusan ujian akhir sesi akademik digunakan untuk permohonan kemasukan ke sekolah khusus?

Tidak.

26. Adakah keputusan ujian akhir sesi akademik boleh digunakan untuk menentukan pakej mata pelajaran murid ke tingkatan 4?

Ya. Keputusan ujian akhir sesi akademik tingkatan 3 merupakan elemen yang diambil kira dalam penentuan pakej mata pelajaran murid ke tingkatan 4.

27. Apakah peranan SIP+ dan SISC+ dalam pelaksanaan ujian akhir sesi akademik di peringkat daerah?

SIP+ dan SISC+ berperanan membimbing pihak sekolah berkaitan kurikulum, pedagogi dan pentaksiran khususnya dalam pelaksanaan ujian akhir sesi akademik di sekolah.

28. Adakah ujian akhir sesi akademik melibatkan semua mata pelajaran bagi domain kognitif dilaksanakan secara ujian bertulis sahaja?

Ya, namun begitu, bagi mata pelajaran PSV, PM dan PJPk yang mengandungi domain efektif dan psikomotor lebih banyak berbanding domain kognitif, autonomi diberikan kepada sekolah untuk melaksanakan pentaksiran dalam bentuk ujian bertulis atau projek/amali dalam PBD.

GLOSARI

i.	PGB	Pengetua/Guru Besar
ii.	GPKP	Guru Penolong Kanan Pentadbiran
iii.	GKMP	Guru Kanan Mata Pelajaran
iv.	KP	Ketua Panitia
v.	GMP	Guru Mata Pelajaran
vi.	SPPB	Sistem Pengurusan Pentaksiran Bersepadu
vii.	KBAT	Kemahiran Berfikir Aras Tinggi
viii.	DSKP	Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran
ix.	MPSM	Majlis Pengetua Sekolah Malaysia
x.	MGB	Majlis Guru Besar
xi.	SISC+	<i>School Improvement Specialist Coaches</i>
xii.	SIP+	<i>School Improvement Partner</i>
xiii.	MySG	<i>Malaysian School Governance</i>